

SITI Norliza ibu tunggal yang menyara empat anaknya yang masih bersekolah.



Ibu tunggal impi miliki gerai burger sendiri

Butterworth: Kesempitan hidup seorang ibu tunggal untuk menyara empat anak masih bersekolah membuatnya berhasrat memiliki sebuah gerai burger sendiri, sekali gus mengubah nasib keluarga yang hidup serba kekurangan sejak berpisah dengan suami, dua tahun lalu.

Siti Norliza Abdul Mutalib, 42, berkata, untuk menjana pendapatan keluarga, dia bekerja sebagai pembantu di gerai menjual burger milik rakannya, Muhammad Rizal Saedon, 48, di Jalan Telaga Air, di sini, dengan upah permulaan RM20 sehari berikutan gerai itu baru dibuka hampir dua bulan lalu bermula jam 9 pagi hingga 7 malam.

Bagaimanapun, katanya, pendapatan itu tidak mementu kerana ada ketika gerai itu tidak dibuka atas sebab tertentu selepas dimaklumkan rakannya itu.

"Sambil membantu rakan berniaga, saya turut menjana pendapatan lebih dengan menjual laksa namun hasil jualanannya agak mengecewakan apabila tidak mendapat sambutan pelanggan di sekitar kawasan itu.

"Saya tidak pernah patah semangat mencari rezeki lebih dengan menjual makanan ringan di rumah bagi menampung sedikit perbelanjaan harian keluarga," katanya ketika ditemui di

Flat Ampang Jajar, di sini, kelmarin.

Siti Norliza berkata, empat anaknya berusia antara 11 dan 17 tahun yang masih bersekolah tinggal bersamanya namun anak sulungnya, Mohd Amirul Shafiq Abdul Razak, 22, tinggal bersama ibu menuanya di Padang Serai, Kedah.

Dia berkata, walaupun hidup serba kekurangan, dia bersyukur semua anaknya tidak pernah merungut atas kesempitan hidup dialami mereka bahkan anak lelaki keduanya, Mohd Amirul Faiz Abdul Razak, 17, menyatakan hasrat akan bekerja untuk membantunya selepas menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hujung tahun ini.

"Setiap hari saya perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya RM4 untuk duit poket ke sekolah dan wang itu hanya cukup buat tambang bas pergi dan balik dan ada ketikanya mereka terpaksa menahan lapar sehingga pulang ke rumah untuk makan tengah hari.

"Saya bersyukur menerima bantuan bulanan



SITI Norliza bekerja sebagai pembantu di gerai menjual burger milik rakannya.

RM300 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) apabila sedikit sebanyak dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan harian, barangan dapur dan persekolahan anak," katanya.

Siti Norliza berkata, dia kini dalam keadaan buntu memikirkan sewa rumahnya yang tertunggak tiga bulan selain bil utiliti hampir mencecah RM400.

Beliau berkata, jika dia memiliki sebuah gerai menjual burger sendiri, sudah tentu kehidupan keluarganya akan lebih stabil memandangkan ada perniagaan sendiri yang lebih terjamin selain keuntungan diperoleh terus kepadanya.

Mereka yang ingin membantu meringankan bebanan ditanggung keluarga ini boleh menyalurkan sumbangan wang tunai ke dalam akaun Maybank (152031365255) atas nama Siti Norliza Abdul Mutalib atau menghubungi di talian 019-4413185.